

Paras air Sungai Golok naik, banjir di Terengganu semakin pulih

Mangsa banjir meningkat

RANTAU PANJANG - Jumlah penduduk yang dipindahkan akibat banjir di sini meningkat kepada seramai 494 orang sejak pagi semalam berbanding 280 orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir

Ibu Pejabat
Kantin
Kantin
berkata,
tiga pusat

pemindahan dibuka iaitu di Stesen Keretapi Malaysia Berhad Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi dan Sekolah Kebangsaan Cina Rantau Panjang untuk menampung peningkatan jumlah mangsa.

Kesemua mangsa daripada 130 keluarga itu dipindahkan secara berperingkat, katanya kepada *Ber-nama* semalam.

Beliau berkata, paras air Sungai Golok ialah 10.13 meter iaitu melebihi paras bahaya sembilan meter manakala paras air di tujuh



WALAUPUN paras air sungai meningkat namun kanak-kanak tidak melepaskan peluang untuk bermain air di Kampung Kedai Lama, Rantau Panjang semalam.

lagi sungai utama adalah normal.

Jurucakap itu berkata, laluan di Kilometer 10, Jalan Pohon Tanjung-Rantau Panjang (Jalan Lama) Kampung Siram dan Kilometer 11 Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu turut dinaiki air dan ditutup

kepada kenderaan ringan.

Sementara itu di Terengganu, keadaan banjir di Kampung Cacar Paka, Dungun telah pulih dan semua mangsa di pusat pemindahan dibenarkan pulang malam semalam.



NAIK. Paras air di Sungai Golok telah mencecah paras bahaya menyebabkan penduduk Rantau Panjang diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Pegawai Kebajikan Daerah Dungun, Wan Zabariah Wan Harun berkata, kumpulan terakhir seramai 36 orang penduduk dibenarkan pulang pukul 9.30 malam.

Pusat pemindahan banjir bertempat di Dewan Serba Guna

Kampung Cacar kini ditutup, katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Bagaimanapun, keadaan hujan lebat di Dungun masih berterusan dan orang ramai dinasihatkan berjaga-jaga.